

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 NOVEMBER 2016

# Dr Mahathir bersekongkol dengan pembangkang bukan perkara ganjil

BH-9/11/2016

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

➔ UMNO tak tergugat tindakan bekas PM serang kerajaan: Hishammuddin

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersekongkol dengan pembangkang khususnya DAP ketika menghadiri Mesyuarat Hak dan Kekebalan Ahli Parlimen di bangunan Parlimen semalam, bukan perkara ganjil, sebaliknya konsisten dengan sikapnya menyerang pemimpin negara dan UMNO.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata

masyarakat sedang menilai tindakan Dr Mahathir menyerang kerajaan dengan apa yang dilakukannya ketika menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

“Macam-macam dia buat kepada UMNO dan kepemimpinan parti, namun parti tak tergugat, sebaliknya kita terus bersatu kerana kekuatan UMNO bukan kepada individu, sebaliknya mencakupi semua ahli serta pemimpin di peringkat akar umbi, cawangan, bahagian, negeri serta Pusat.

## Pertahan presiden

“Dia serang Presiden (Datuk Seri Najib Razak) tetapi kita pertahankan kerana presiden kita, sama seperti kita pertahankan beliau dulu bukan kerana dia Dr Mahathir, tetapi kerana presiden parti.

“Dr Mahathir tak boleh kata dia lebih baik daripada presiden sekarang, sebaliknya biar rakyat dan sejarah menilai serta menentukannya,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat penyelarasan Konvensyen Pemerkasaan Agenda Ummah Ke-2 di Menara Dato’ Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Konvensyen pada 20 November di PWTC itu akan membincang dan merumuskan 681 usul diterima sepanjang mesyuarat perwakilan bahagian UMNO pada 1 Ogos hingga 15 September lalu untuk dibahaskan pada Perhimpunan Agung UMNO pada 29 November hingga 3 Disember ini.

Kehadiran Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) ke Parlimen semalam adalah kali pertama sejak menjadi pemimpin pembangkang.

Yang turut hadir, Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal; Ketua Pembangkang, Datuk Seri Wan Azizah Ismail dan penasihat DAP, Lim Kit Siang.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa menyifatkan kehadiran Dr Mahathir itu ‘ibarat membawa kereta antik ke perlumbaan Formula Satu, ia seronok untuk ditonton tetapi tidak relevan untuk perlumbaan itu’.



Dr Mahathir bersama Kit Siang hadir ke Parlimen di Kuala Lumpur, semalam.

Untuk video  
layari [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)